

Jerebu kembali melanda bandar raya Miri

UTUSAN ONLINE | 04 September 2019 1:11 PM



9

MIRI 4 Sept.- Selepas seminggu masalah jerebu reda di bandar raya Miri, kejadian sama kembali berulang akibat daripada pembakaran terbuka tidak terkawal yang berlaku sejak semalam.

Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Miri, Law Poh Kiong berkata, antara kawasan yang terjejas akibat jerebu pada awal pagi ini ialah di Permyjaya, Lutong, Taman Tunku dan sekitar Miri.

Ujarnya, kawasan lain turut terjejas ialah perumahan Vista Perdana.

"Hasil rondaan dan pemantauan pihak kita mendapati kejadian ini berlaku kesan daripada pembakaran terbuka di kawasan berhampiran dengan padang golf sebuah hotel terkenal di sini dan di hadapan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri semalam.

"Pembakaran itu dipercayai dilakukan oleh penduduk berhampiran untuk membesarkan kebun bagi tujuan pertanian," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Pada 25 Ogos lalu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Miri dengan bantuan pelbagai agensi serta syarikat korporat telah berjaya memadamkan kebakaran tanah gambut serta hutan di Kuala Baram yang menyebabkan jerebu di kawasan berkenaan.

Berikutan masalah itu, dua sekolah rendah di sana terpaksa ditutup berikutan kebakaran berlarutan selama lebih dua minggu.